



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KECENDERUNGAN PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH BANDAR DAN LUAR BANDAR DI KELANTAN



05-4506832



NOOR ATHIRAH BINTI SUKRI



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KECENDERUNGAN PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH BANDAR DAN LUAR BANDAR
DI KELANTAN**

NOOR ATHIRAH BINTI SUKRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) MAC (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, NOOR ATHIRAH BINTI SUKRI, M20171000196, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KECENDERUNGAN PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH BANDAR DAN LUAR BANDAR DI KELANTAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mananya hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. SUPPIAH A/L NACHIAPPAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KECENDERUNGAN PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH BANDAR DAN LUAR BANDAR DI KELANTAN

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN).

15 . 10 . 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KECENDERUNGAN PEMILIHAN KERJAYA DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH BANDAR
DAN LUAR BANDAR DI KELANTAN
No. Matrik / Matic No.: M20171000196
Saya / I : NOOR ATHIRAH BINTI SUKRI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROFESSOR DR. SUPPIAH NACHIAPPANJabatan Pengajian Pendidikan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak

No: 012-5270801

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 8 JULAI 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction





PENGHARGAAN

Dipanjatkan kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dengan izinNya yang memberikan semangat dan kekuatan kepada diri saya sehingga mampu menghasilkan sebuah disertasi sebagai hasil kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Dr. Suppiah A/L Nachiappan atas segala jasa baik, nasihat, tunjuk ajar, pandangan, sokongan, motivasi dan bimbingan beliau sepanjang pengajian dan perjalanan kajian ini sehingga disertasi ini berjaya disiapkan dengan sempurna. Di samping itu, ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua pihak di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas kerjasama yang diberikan.

Penghargaan istimewa kepada kedua-dua ibu bapa yang disayangi, iaitu Encik Sukri bin Ibrahim dan Puan Zubaidah binti Awg Nor atas segala irungan doa, sokongan, pengorbanan dan kefahaman sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Kepada adik-adik tersayang Amzar, Athilah, Alia, Farhanah dan Farhan, segala doa dan pengorbanan kalian sangat dihargai. Tidak juga dilupakan semua saudara mara dan ahli keluarga yang turut mendoakan kejayaan saya. Semoga tuhan memberikan ganjaran yang sewajarnya.

Buat rakan-rakan seperjuangan di UPSI, iaitu Sandra, Sangkari, Hanani, Yana, Aida, Halimaton, Fathen, Azizah dan Ain serta rakan-rakan lain yang turut memberikan sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung, diucapkan ribuan terima kasih. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada warga guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Perdana, Bachok, Kelantan atas kesudian menjadi responden kajian ini. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu dan Pejabat Pendidikan Daerah Bachok yang banyak memberikan kerjasama kepada saya sepanjang penyelidikan ini.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji jenis-jenis kerjaya yang diminati oleh pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya, cara-cara untuk mengatasi masalah pemilihan kerjaya serta peranan pihak sekolah untuk membantu pemilihan kerjaya bagi pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains bagi kawasan bandar dan luar bandar di Negeri Kelantan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan soal selidik soalan jenis terbuka kepada 15 orang pelajar di kawasan bandar dan 15 orang pelajar di kawasan luar bandar. Kaedah temu bual bersama seorang guru kaunselor dari sekolah menengah bandar dan luar bandar turut digunakan. Data yang diperoleh dalam kajian ini, kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah Hermeneutik untuk mendalami pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan jenis kerjaya yang dipilih merangkumi kerjaya yang melibatkan bidang Sains dan bukan Sains seperti doktor perubatan, doktor haiwan, ahli psikologi, guru, pensyarah dan sebagainya. Keputusan kajian juga mendapati faktor minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya berbanding faktor peluang pekerjaan, dorongan keluarga, ganjaran dan lain-lain. Kajian yang diperoleh juga menunjukkan bahawa pelajar berusaha untuk menjadi pelajar yang tekun, merujuk kaunselor, melayari internet, percaya diri sebagai cara mereka mengatasi masalah pemilihan kerjaya. Hasil temu bual bersama guru kaunselor pula mendapati bahawa pelbagai inisiatif program atau aktiviti telah dilakukan oleh pihak sekolah sebagai bimbingan dan pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah tentang bidang kerjaya. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan kerjaya adalah suatu proses yang kompleks dan pelajar perlu membuat keputusan dan persediaan sebelum memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah dalam pemilihan kerjaya dengan mengetahui kelebihan dan cabaran bekerja dalam sesuatu bidang kerjaya tertentu.





CAREER CHOICE TENDENCIES AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN URBAN AND RURAL AREAS OF KELANTAN

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the different types of careers that students are interested in, including the factors that influence career choice, and the ways to overcome problems regarding career choice. Indeed, schools have a vital role to help Form Four Science Stream students, especially from urban and rural areas in Kelantan, in choosing the right career. This study adopted the qualitative method using open ended questionnaire to 15 students in urban and 15 students in rural areas. An interview method with a counsellor urban and rural secondary school was also used. The data obtained from this study were analyzed using Hermeneutic Method in order to acquire a deeper knowledge on career choices among students. The findings from the study revealed that the type of career chosen by the students are either in science or non-science fields such as medical doctors, veterinarians, psychologists, teachers, lecturers and so on. The results of the study also found that the factor of interest is the main factor that influences students in career choice compared to the factors of job opportunities, family encouragement, rewards and others. Studies have also shown that students strive to be diligent students, refer to counsellors, surf the internet, self-confidence as their way of overcoming career choice problems. The results derived from the interviews with counsellor teachers revealed that various program initiatives or activities have been taken by the school as guidance and early exposure to secondary school students about career fields. In conclusion, this study shows that career choices is a complex process and students need to make decisions and preparations before entering the real world of work. The implications of this study are expected to provide early exposure to high school students in career selection by knowing the advantages and challenges of working in a particular career field.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v



KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	9





1.5	Soalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8	Skop Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi Istilah Kajian	15
1.10.1	Kerjaya	16
1.10.2	Pemilihan Kerjaya	16
1.10.3	Pelajar Tingkatan Empat	17
1.10.4	Sekolah Menengah	17
1.10.5	Bandar Dan Luar Bandar	18
1.10.6	Aliran Sains	18



BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Pemilihan Kerjaya	21
2.3	Teori Pemilihan Kerjaya	22
2.3.1	Teori Tret dan Faktor	23
2.3.2	Teori Pemilihan Kerjaya Holland	24
2.3.3	Teori Pemilihan Kerjaya Anne Roe	27
2.4	Faktor-Faktor Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya	29
2.5	Pendedahan Kerjaya	35
2.6	Kajian Dalam Negara	38





2.7	Kajian Luar Negara	46
2.8	Pendekatan Hermeneutik	54
2.8.1	Teks	57
2.8.2	Ciri-Ciri Keterbukaan (<i>Openness</i>)	58
2.8.3	Ciri-Ciri Kekaburan Pada Teks (<i>Ontoenigma</i>)	59
2.8.4	Ciri-Ciri Kebenaran (<i>Lumensa</i>)	59
2.8.5	Metateks	60
2.9	Pengaplikasian Kaedah Hermeneutik	60
2.10	Rumusan	61

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Kaedah Kajian	65
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	67
3.4.1	Prosedur Pensampelan	68
3.4.2	Profil Guru	69
3.5	Lokasi Kajian	71
3.6	Pengumpulan Data	73
3.6.1	Soal Selidik Pelajar	73
3.6.2	Temu Bual Guru	75
3.7	Prosedur Kajian	76
3.8	Analisis Data Kajian	79
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	80





3.9.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	82
3.9.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Temu Bual	83
3.10	Triangulasi	85
3.11	Rumusan	88

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	89
4.2	Analisis Kerjaya yang Diminati oleh Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Luar Bandar di Kelantan Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Analisis Jawapan Soal Selidik	90
4.2.1	Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 1 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	91
4.2.2	Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 1 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	92
4.2.3	Perbincangan Interpretasi Berdasarkan Soalan Kajian 1 Melalui Kaedah Hermeneutik	93
4.3	Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan Luar Bandar di Kelantan Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Analisis Jawapan Soal Selidik	95
4.3.1	Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 2 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	96
4.3.2	Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 2 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	97
4.3.3	Perbincangan Interpretasi Berdasarkan Soalan Kajian 2 Melalui Kaedah Hermeneutik	99
4.4	Analisis Cara-Cara Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains Mengatasi Masalah Dalam Pemilihan Kerjaya di Kawasan Bandar dan Luar Bandar di Kelantan Dengan	101





Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Analisis Jawapan Soal Selidik

4.4.1	Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 3 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	102
4.4.2	Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 3 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	103
4.4.3	Perbincangan Interpretasi Berdasarkan Soalan Kajian 3 Melalui Kaedah Hermeneutik	104
4.5	Analisis Peranan Pihak Sekolah Dalam Membantu Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan Luar Bandar di Kelantan Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Temu Bual	107
4.5.1	Interpretasi Jawapan Temu Bual Guru di Sekolah Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 4 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	108
4.5.2	Interpretasi Jawapan Temu Bual Guru di Sekolah Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 4 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	110
4.5.3	Perbincangan Interpretasi Berdasarkan Soalan Kajian 4 Melalui Kaedah Hermeneutik	112
4.6	Rumusan	117

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	118
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	119
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	121
5.3.1	Perbandingan Kerjaya yang Diminati Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Luar Bandar di Kelantan	122
5.3.2	Perbandingan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Luar Bandar di Kelantan	126





5.3.3	Perbandingan Cara-Cara Mengatasi Masalah Kerjaya yang Dihadapi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Luar Bandar di Kelantan	130
5.3.4	Peranan Pihak Sekolah Dalam Membantu Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Luar Bandar di Kelantan	133
5.4	Sumbangan Dapatan Kajian	137
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	140
5.6	Rumusan	141
	BIBLIOGRAFI	142
	LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jenis-Jenis Personaliti	26
3.1 Populasi Pelajar Tingkatan Empat dan Guru Sekolah Menengah di Sekitar Negeri Kelantan.	67
3.2 Profil Peserta Kajian	70
4.1(c) Pemilihan Kerjaya yang Diminati oleh Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Kawasan Luar Bandar.	95
4.2(c) Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Kawasan Luar Bandar.	100
4.3(c) Cara-Cara Mengatasi Masalah Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Kawasan Luar Bandar.	106
4.4(c) Peranan Pihak Sekolah Dalam Membantu Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar dan di Kawasan Luar Bandar.	116





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian. Diubah suai daripada Zairoslawanee, 2014	12
3.1 Reka Bentuk Kajian. Diadaptasi daripada Suppiah, 2003	64
3.2 Kaedah Analisis Data Menggunakan Kaedah Hermeneutik	79





SENARAI SINGKATAN

IMK	Inventori Minat Kerjaya
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
ITP	Inventori Tret Personaliti
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
STEM	<i>Sciences, Technology, Engineering and Mathematics</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
HUSM	Hospital Universiti Sains Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- B Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian/Penyelidikan di Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
- C Surat Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kota Bharu, Kelantan
- D Surat Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Bachok, Kelantan
- E Borang Soal Selidik
- F Borang Temu Bual
- G Risalah Maklumat Peserta dan Borang Persetujuan atau Keizinan Peserta
- H Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 1 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik
- I Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 1 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik
- J Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 2 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik
- K Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 2 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik





- L Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 3 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik
- M Interpretasi Jawapan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains di Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 3 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik
- N Interpretasi Jawapan Temu Bual Guru di Sekolah Kawasan Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 4 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik
- O Interpretasi Jawapan Temu Bual Guru di Sekolah Kawasan Luar Bandar Bagi Menjawab Soalan Kajian 4 Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini merangkumi beberapa perkara penting yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan soalan kajian. Di samping itu, kajian ini juga menjelaskan tentang kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi istilah dan juga rumusan bagi keseluruhan Bab 1.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Perubahan teknologi telah memberikan impak besar terhadap kehidupan manusia, terutamanya dalam pendidikan, kerjaya, sosial dan bimbingan peribadi. Malaysia kini ke arah pembangunan negara maju dan memerlukan modal insan sebagai pemangkin utama bagi mentadbir dan memimpin negara. Namun, masih ramai golongan anak muda yang menganggur walaupun mereka sudah beberapa tahun menamatkan pengajian di sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi (IPT).

Menurut sumber Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia Tahun 2017

(Kementerian Sumber Manusia, 2018) menyatakan bahawa kes pengangguran belia

dalam lingkungan usia 15 tahun hingga 24 tahun adalah seramai 283,400 orang, iaitu

sebanyak 10.8 peratus. Kes pengangguran belia ini dianggap kritikal kerana jumlah

mereka yang ramai ini termasuk lingkungan umur bagi remaja seperti pelajar sekolah.

Laporan ini dapat dikaitkan dengan kenyataan Super (1990) yang menyatakan bahawa

remaja yang berumur 15 hingga 24 tahun dikategorikan sebagai peringkat umur

penerokaan kerjaya. Menurut Mohamed Sharif dan Roslee (2010), pada peringkat

inilah pelajar berusaha mendapatkan sebanyak mungkin maklumat kerjaya, meneroka

jenis-jenis di bidang kerjaya, membuat kerja sambilan dan mula menilai kemampuan

diri terhadap bidang kerjaya.

Menurut Mohamed Fadzil (2002), kerjaya adalah “aktiviti-aktiviti untuk memenuhi keperluan psikologikal, ekonomikal dan sosiologikal individu” (p. 158).





Idea ini dikongsi bersama oleh Kerr (2007) yang menjelaskan tentang kerjaya ialah “individu menjual tenaga kerja dan kemahiran untuk mendapatkan harga terbaik yang boleh diperoleh” (p. 3). Seseorang mungkin mempunyai pelbagai rancangan dan harapan dalam bidang pekerjaan tetapi ketakutan menguasai diri mereka kerana kekurangan maklumat diri. Pemilihan kerjaya adalah “satu proses untuk memadankan individu dengan sesuatu pekerjaan” (Sidek, 2002, p. 51). Beberapa pilihan kerjaya mungkin boleh menjerat diri, barangkali individu menyukai pekerjaan pada waktu sekarang, namun dikemudian hari menjadi benci (Kerr, 2007, p. 2). Oleh itu, masalah berkaitan pemilihan perlu diselesaikan sebelum individu membuat keputusan mengenai kerjayanya (Azizi & Fariza, 2008).

Menurut Zairoslawanee (2014), kerjaya menunjukkan status, sosioekonomi dan pendapatan serta taraf hidup individu. Hal ini dapat dikaitkan dengan pemilihan kerjaya yang tepat akan mendatangkan manfaat kepada dirinya serta orang lain di sekelilingnya. Yusof (2013) pula bersetuju dengan menegaskan bahawa pekerjaan penting dalam menentukan corak masa depan seseorang. Perkembangan ekonomi yang kian pesat pastinya akan melahirkan persaingan dalam bidang pekerjaan. Oleh yang demikian, pemilihan kerjaya pada masa kini adalah sangat penting. Sementerian, pemilihan kerjaya yang diceburi kelak diharap dapat mencapai kepuasan dan produktiviti yang tinggi. Justeru, persediaan yang teratur perlu ditekankan untuk memantapkan penyertaan dalam bidang kerjaya agar selaras dengan kemampuan diri.

Setiap manusia diciptakan unik dan berbeza. Apabila ciri keperibadian ditekankan dalam pemilihan kerjaya, maka seharusnya personaliti telah terbentuk





sebelum seseorang itu mula membuat pemilihan. Pembelajaran boleh mempengaruhi pembentukan personaliti kerjaya seterusnya membawa kepada pemilihan kerjaya yang merupakan satu aspek penting bagi individu dalam peringkat remaja (Nursyafiqah, Mohd Fahridzakki & Abu Yazid, 2018). Menurut Sabariah Haron (2013), pemilihan kerjaya yang dibuat di peringkat remaja ini akan sedikit sebanyak mempengaruhi corak kerjaya yang diceburinya apabila dewasa dan akan menentukan peranan yang dimainkan nanti dalam masyarakat. Ini adalah kerana pemilihan kerjaya yang dibuat pada masa sekarang adalah penentu pada masa hadapan bagi taraf atau kedudukan mereka dalam masyarakat malah mempunyai kesan ke atas nilai hidup atau gaya hidup seseorang itu.



Menurut Sidek (2002), pelajar sekolah menengah khususnya sering menghadapi masalah dalam pemilihan kerjaya seperti tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tidak pasti dengan kerjaya yang dipilih, kurang minat untuk merancang dan tidak mampu menyelesaikan masalah. Masalah-masalah ini berkait rapat dengan kurangnya kematangan kerjaya (Zairoslawanee, 2014). Pelajar yang membuat perancangan kerjaya yang baik akan mempersiapkan diri dengan mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan (Azizi & Fariza, 2008). Justeru, pendedahan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman amatlah diperlukan. Pada peringkat sekolah menengah, sebahagian besar pelajar akan mengambil tahu mengenai kerjaya yang bakal diceburi dan peringkat inilah permulaan pelajar akan membuat keputusan mengenai kerjaya mereka. Oleh itu, bimbingan terhadap laluan kerjaya perlu diberikan dalam membantu pelajar memilih aliran pendidikan yang sesuai dan hala tuju kerjaya yang sepadan dengan keperluan pasaran kerja masa kini.





1.3 Pernyataan Masalah

Sabtu tahun Malaysia dikejutkan dengan peningkatan isu pengangguran terutama golongan belia untuk memperoleh pekerjaan. Berdasarkan laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (2016), kadar pengangguran bagi golongan belia global telah mencatat peratusan sebanyak 13.2%. Nilai ini merangkumi 70 juta golongan muda di serata dunia menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Antara faktor yang mewujudkan permasalahan ini adalah kerana tahap pengetahuan yang sederhana terhadap bidang pekerjaan yang ingin diceburi. Penyataan ini selari dengan kajian Zairoslawanee (2014) yang menjelaskan bahawa pengetahuan asas dalam kalangan pelajar sekolah terhadap kerjaya pilihan adalah saling berkait. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa semakin rendah pengetahuan pelajar terhadap sesuatu bidang kerjaya, semakin rendah tahap keinginan mereka untuk memilih bidang kerjaya tersebut. Keraguan dan maklumat yang tidak jelas dalam pemilihan kerjaya disebabkan oleh tahap pengetahuan yang sederhana terhadap sesuatu bidang kerjaya (Nursyafiqah et al. (2018).

Adanya masalah pemilihan kerjaya pelajar berhubung kait dengan kehilangan hak untuk memilih mata pelajaran atau aliran akademik yang diminati di sekolah (Farizah, 2008; Azizi & Fariza, 2008). Hal ini kerana pemilihan mata pelajaran telah ditentukan oleh pengurusan pihak sekolah mengikut aliran elektif akademik yang diikuti di sekolah. Sistem pemilihan yang berkesan sepatutnya hanya menerima calon yang sesuai dan menyalurkan calon yang tidak sesuai untuk berada di aliran yang lain (Sidek, 2002). Tidak adil bagi pelajar yang personalitinya tidak seiring dengan pembelajarannya sehingga memberikan kesan buruk kepada pelajar seperti ponteng





kelas akibat tidak berminat dengan subjek (Sabariah, 2013). Inovasi sistem pendidikan negara untuk mencapai 60:40 bilangan pelajar Sains berbanding pelajar Sastera merupakan salah satu sebab pelajar terpaksa belajar di aliran Sains walaupun pencapaian akademik mereka sederhana sahaja. Masalah mula timbul apabila pelajar merasakan aliran akademik yang diikutinya atau pekerjaan yang dilakukannya tidak selaras dengan ciri-ciri minat dan personaliti yang dimilikinya.

Kebelakangan ini, kepentingan menyediakan pelajar dalam bidang STEM amat ditekankan (Thibaut L. et al., 2018). Keperluan terhadap bidang Sains untuk menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0 memerlukan usaha dalam menggalakkan para pelajar memasuki bidang STEM dan seterusnya memilih bidang STEM dalam pekerjaan (Heilbronner, 2011). Bagaimanapun, persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik yang menganggap subjek tersebut adalah subjek yang sukar menyebabkan pelajar tidak memilih aliran Sains pada peringkat menengah atas dan peringkat pengajian tinggi (Amirah, Shahlan, Kartini & Noraina Ayu, 2019; Phang, Mohd Salleh, Mohammad Bilal & Salmiza, 2010). Terdapat juga pelajar yang mempunyai tanggapan Sains adalah sukar apabila mendapat markah yang rendah serta menganggap bidang Sains hanyalah untuk menjadi seorang saintis sahaja (Jaber & Hammer, 2016). Menurut Alordiah, Akpadaka dan Oviogbodu (2015), lokasi sekolah yang terletak di kawasan luar bandar berhadapan dengan isu kekurangan infrastruktur yang sempurna dikatakan mempengaruhi tahap pencapaian Sains dan Matematik yang tidak memberangsangkan. Oleh yang demikian, merapatkan jurang pencapaian antara pelajar bandar dan luar bandar menjelang tahun 2020 merupakan salah satu hasrat yang





terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Faktor pemasalahan pemilihan kerjaya adalah berkenaan dengan minat kerjaya dan juga berkait dengan personaliti individu. Menurut Nur Farhana (2016), kekeliruan dan ketidakjelasan dalam memilih kerjaya yang sesuai kebiasaanya disebabkan oleh faktor minat yang pelbagai, minat yang tidak jelas dan faktor persekitaran. Masalah ini berlaku kerana kebanyakan pelajar masih kabur dalam membuat pemilihan dunia pekerjaan yang ingin diceburi (Mohamad Hashim & Sharifah Amnah, 2006). Hal ini menyebabkan pelajar mengambil jalan mudah dengan memilih pekerjaan yang sama dilakukan oleh ahli keluarganya atau apa sahaja bidang kerjaya yang berada dalam lingkungan persekitaran mereka (Boon & Ilias, 2011). Oleh yang demikian, menurut Coulter-Kern, Schenkel, Walker dan Fogle (2013), antara persediaan yang perlu ada sebelum membuat pemilihan kerjaya ialah minat dan pengetahuan dalam bidang yang ingin diceburi. Mungkin tidak semua pelajar mampu membuat pemilihan kerjaya di peringkat sekolah menengah, namun sekurang-kurangnya pelajar mendapat gambaran tentang personaliti diri dan minat kerjaya itu sendiri yang dianggap penting untuk pengetahuan pelajar (Nursyafiqah et al., 2018). Keputusan pelajar dalam memilih pekerjaan bergantung kepada kematangan mereka pada ketika itu serta pendedahan yang diperoleh sebelum membuat keputusan.

Kebanyakan pemilihan kerjaya dipengaruhi oleh kemahuan atau tekanan ibu bapa atau ahli keluarga disebabkan oleh kecetekan pengetahuan pelajar mengenai bidang pengajian atau kerjaya (Suhaila, Nor Ayuni, Nor Suhaily & Nuzul Akhtar,





2015). Misalnya, jika ibu bapa inginkan anaknya menjadi seorang doktor, maka pelajar tersebut perlu mendapat keputusan yang cemerlang untuk mengikuti pendidikan di aliran Sains sedangkan keputusan terbabit bertentangan dengan kehendak diri mereka. Suhaimi (2010) mengatakan bahawa bekerja berdasarkan permintaan ibu bapa ada dua kemungkinan, iaitu melakukan kerja dengan senang hati, gembira dan bersifat lebih terbuka ataupun bekerja dalam keadaan terpaksa dan rasa kecewa. Menurut Suhaila, Nor Ayuni, Nor Suhaily dan Nuzul Akhtar (2015), kebanyakan keluarga yang datang dari kawasan luar bandar tidak mengetahui kaedah untuk membuat kajian tentang kekurangan dan keperluan tenaga pekerja pada masa akan datang. Akibatnya, ramai pelajar merasakan tidak serasi dengan pemilihan yang dibuat tanpa nasihat dari orang yang berpengalaman.



Sememangnya pemilihan sesuatu kerjaya bukanlah sesuatu perkara yang mudah terutamanya bagi golongan pelajar sekolah menengah. Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa ramai pelajar yang mengalami masalah dalam proses membuat pemilihan kerjaya mereka. Masalah pemilihan kerjaya pelajar sekolah boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman dan luaran, maka penyelidik ingin mengkaji serta mengenal pasti mengenai bidang-bidang kerjaya yang pelajar minati, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar dan cara-cara pelajar mengatasi masalah pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan. Selain itu, peranan pihak sekolah dalam membantu proses pemilihan kerjaya pelajar turut dikenal pasti dalam kajian ini. Oleh itu, tidak terlalu awal untuk pelajar Tingkatan Empat untuk memilih dan membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya kerana mereka berada di peringkat membuat





keputusan sebelum memasuki alam universiti, Tingkatan Enam atau alam pekerjaan setelah tamat Tingkatan Lima sebagai persiapan awal.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perbandingan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kerjaya yang diminati oleh pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan.
- ii. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan.
- iii. Menganalisis cara-cara mengatasi masalah pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan.
- iv. Menilai peranan pihak sekolah dalam membantu pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan.





1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian merangkumi soalan seperti berikut:

- i. Apakah kerjaya yang diminati oleh pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan?
- iii. Bagaimanakah cara-cara pelajar Tingkatan Empat aliran Sains dalam mengatasi masalah pemilihan kerjaya di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan?
- iv. Bagaimanakah pihak sekolah berperanan dalam membantu pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan?

1.6 Kepentingan Kajian

Setelah merujuk kepada permasalahan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah, maka kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar, khususnya pelajar sekolah dalam memilih bidang pekerjaan yang mereka minati. Dengan kata lain, pelajar dapat mengenal diri dan minat masing-masing melalui maklumat tambahan yang disediakan. Oleh itu, kajian ini akan membantu pelajar membuat keputusan dalam





pembelajaran mengikut aliran di sekolah dan seterusnya menentukan bidang kerjaya mereka.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak sekolah dan para guru dalam mengesan dan mengenal pasti kecenderungan minat dan kemahiran pelajar terhadap sesuatu bidang pekerjaan dan seterusnya merancang serta memberikan bimbingan yang sewajarnya kepada pelajar. Pendidikan di sekolah boleh menjadi tempat kepada pelajar memperoleh ilmu yang bersesuaian dengan bidang pekerjaan.


Kajian ini dilakukan supaya dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri tentang permasalahan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah dalam konteks negara kita. Perlunya penyediaan asas pengetahuan dan maklumat lengkap mengenai bidang pekerjaan yang terdapat di negara ini di semua sekolah di kawasan bandar dan di luar bandar.

Seterusnya, kajian ini dilaksanakan agar dapat membantu para ibu bapa memberikan panduan dalam pemilihan kerjaya pelajar. Peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam membentuk minat kerjaya anak-anak melalui dorongan, galakan tanpa mengetepikan kehendak dan minat kerjaya anak-anak. Kesedaran ibu bapa dapat membina dan menyuburkan minat anak-anak dalam bidang kerjaya mengikut pilihan dan minat mereka. Dorongan ibu bapa penting dalam membantu anak-anak membuat pilihan kerjaya dengan tepat.



Kajian ini juga berharap menjadi satu rujukan dan panduan kepada penyelidik pada masa hadapan dalam membantu menjalankan kajian mereka. Diharapkan juga penyelidik sedar akan kepentingan dan kekuatan Kaedah Hermeneutik dalam menginterpretasikan sesebuah kajian memandangkan kaedah analisis ini masih baharu di negara kita.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Diubah suai dari Zairoslawanee, 2014



Kerangka konseptual adalah suatu yang sangat diperlukan dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Menurut Noraini (2010), kerangka kajian yang dibina adalah berdasarkan objektif kajian sesuatu penyelidikan dan juga berdasarkan teori-teori yang dikemukakan oleh ahli-ahli akademik yang terdahulu.

Berdasarkan Rajah 1.1, model kerangka ini dibina berdasarkan kepada model dari kajian Zairoslawanee (2014). Model ini telah diubah suai dan dijadikan sebagai asas dalam melaksanakan kajian ini terutamanya proses pengumpulan dan penganalisisan data kajian. Pemilihan model ini dibuat kerana penyelidik bersetuju dengan pandangan Sidek (2002) bahawa individu yang mempunyai data diri yang jelas yang diperoleh daripada minat kerjaya, personaliti, nilai pekerjaan dan pencapaian akan mempunyai arah dan matlamat kerjaya yang jelas. Dalam konteks kajian ini, pelajar Tingkatan Empat aliran Sains dijadikan sebagai subjek kajian. Oleh yang demikian,

kerangka kajian ini dibina bertujuan untuk mengetahui jenis-jenis pekerjaan yang diminati oleh pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar dan cara-cara pelajar ini mengatasi masalah pemilihan kerjaya yang dialami. Selain itu, peranan pihak sekolah dalam membantu pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains turut dikaji yang tertumpu pada kajian di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar di Kelantan.





1.8 Skop Kajian

Kajian ini hanya melibatkan 15 orang pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan 15 orang pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan luar bandar di Kelantan serta seorang guru kaunselor di sebuah sekolah menengah di kawasan bandar dan seorang lagi guru kaunselor di kawasan luar bandar di Kelantan. Penyelidik hanya mengkaji kerjaya yang diminati oleh pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar, cara-cara pelajar Tingkatan Empat aliran Sains mengatas masalah pemilihan kerjaya dan peranan pihak sekolah dalam membantu pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar di Kelantan.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pelajar Tingkatan Empat aliran Sains dari sebuah sekolah menengah di kawasan bandar dan sebuah sekolah menengah lagi di kawasan luar bandar di Kelantan sahaja. Oleh itu, hasil dapatan kajian yang diperoleh mungkin tidak sesuai digunakan untuk kajian di kawasan kajian yang lain kerana faktor persekitaran dan budaya yang berbeza.

Jumlah sampel yang terhad adalah suatu batasan kajian dalam kajian ini. Sampel

kajian ini terdiri daripada 15 orang pelajar Tingkatan Empat aliran Sains dan seorang





guru kaunselor yang berkhidmat dari sebuah sekolah di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar telah dikenal pasti dan dipilih khususnya untuk memenuhi kriteria kajian ini.

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah menerusi dua kaedah sahaja, iaitu soal selidik pelajar dan temu bual guru. Ketersediaan responden untuk menjawab setiap soalan kajian turut diambil kira. Kebarangkalian sesetengah responden tidak memahami maksud soalan yang dikemukakan sehingga penyelidik tidak berjaya untuk mendapatkan jawapan yang sepatutnya daripada responden. Hal ini secara tidak langsung menghalang penyelidik untuk menganalisis data yang lebih tepat.



1.10 Definisi Istilah Kajian

Definisi istilah kajian ini penting dalam sesuatu kajian bagi membantu penyelidik menerangkan maksud sebenar kajian. Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini, iaitu:





1.10.1 Kerjaya

Arthur, Hall dan Lawrence (1989) mendefinisikan kerjaya sebagai “urutan pengalaman kerja seseorang dari masa ke masa” (p. 8). Kerjaya juga didefinisikan sebagai sebuah tanggungjawab yang dilakukan oleh individu bagi tempoh masa tertentu (Jait, Mohamad & Mohamed Ramli, 2010). Dalam konteks kajian ini, yang dimaksudkan dengan kerjaya adalah kerjaya pilihan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di Kelantan.

1.10.2 Pemilihan Kerjaya



Menurut Furham dan Stacy (1991), pemilihan kerjaya adalah satu proses pertumbuhan yang bermula pada awal usia enam tahun sehingga ke penghujung keremajaan apabila mula memasuki pasaran pekerjaan. Abdul Ghani dan Ahmad Kamil (2011) pula mendefinisikan pemilihan kerjaya sebagai bidang kerjaya atau jenis-jenis kerjaya yang menjadi pilihan pelajar. Pemilihan kerjaya dalam kajian ini adalah keputusan yang dilakukan oleh pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di Kelantan dalam memilih kerja.





1.10.3 Pelajar Tingkatan Empat

Pelajar ditakrifkan sebagai seseorang yang sedang belajar menuntut ilmu sama ada di sekolah, di universiti, di maktab dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Dalam kajian ini, pelajar Tingkatan Empat merujuk kepada pelajar lepasan Tingkatan Tiga yang berumur 16 tahun di mana pelajar ini masih lagi menuntut ilmu di sekolah menengah.

1.10.4 Sekolah Menengah



Kementerian Pendidikan Malaysia mendefinisikan sekolah menengah sebagai tempat melanjutkan pelajaran selepas tamatnya pembelajaran di peringkat sekolah rendah (UPSR). Pendidikan sekolah menengah bermula di Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima yang terbahagi kepada dua, iaitu menengah rendah dan menengah atas. Maka, dalam kajian ini pelajar Tingkatan Empat aliran Sains merupakan pelajar sekolah menengah atas.





1.10.5 Bandar dan Luar Bandar

Mengikut takrifan Jabatan Perangkaan Malaysia (2011), bandar sebagai sebuah kawasan besar yang mempunyai seramai 10,000 penduduk, manakala luar bandar pula sebuah kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang kurang daripada 10,000 orang. Dalam konteks kajian ini, sebuah sekolah menengah luar bandar dipilih bagi mewakili kawasan di luar bandar dan sebuah sekolah menengah bandar bagi mewakili kawasan bandar di Kelantan.

1.10.6 Aliran Sains



Aliran Sains merupakan aliran yang terdapat di sesebuah sekolah yang memerlukan pelajar mengambil mata pelajaran elektif Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dari aliran sains tulen, iaitu mata pelajaran Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi. Kebiasaannya, pelajar yang mengambil aliran ini adalah pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang ketika Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Merujuk kepada kajian ini, pelajar aliran Sains adalah pelajar yang mengikuti sepenuhnya jurusan sains tulen di sekolah.





1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini diperihalkan tentang latar belakang, pernyataam masalah tentang pemilihan kerjaya pelajar sekolah menengah. Selain itu, bab ini juga telah membincangkan empat objektif kajian, empat soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual, skop kajian dan batasan kajian. Bab ini juga telah menerangkan beberapa definisi istilah kajian yang merangkumi kerjaya, pemilihan kerjaya, pelajar Tingkatan Empat, sekolah menengah, bandar dan luar bandar serta aliran Sains.

